

## TERMA DAN SYARAT "Program Ahli-Dapatkan-Ahli RHB Premier"

RHB Bank Berhad (No. Syarikat 196501000373 (6171-M)) dan RHB Islamic Bank Berhad (No. Syarikat 200501003283 (680329-V)) secara kolektif akan dirujuk sebagai "**RHB**".

### TEMPOH PROGRAM

1. Program Ahli-Dapatkan-Ahli RHB Premier 2019 ("Program") akan berlangsung dari 1 April 2019 – 31 Disember 2019 ("Tempoh Program") (termasuk kedua-dua tarikh).
2. Program ini terdiri daripada tempoh berikut dalam Jadual 1:-

Jadual 1

Tempoh	Tempoh Program	Tempoh Rujukan Berjaya
Tempoh 1 (Q2)	1 Apr 2019 – 30 Jun 2019	1 Apr 2019 – 31 Jul 2019
Tempoh 2 (Q3)	1 Jul 2019 – 30 Sep 2019	1 Jul 2019 – 31 Okt 2019
Tempoh 3 (Q4)	1 Okt 2019 – 31 Dis 2019	1 Okt 2019 – 31 Jan 2020

3. RHB berhak pada bila-bila masa, untuk mengubah tempoh dan/atau tarikh permulaan dan/atau tarikh tamat Tempoh Program dengan memberikan notis yang mencukupi terlebih dahulu.

### KELAYAKAN

4. Program ini terbuka kepada semua pelanggan RHB Premier yang sedia ada dan aktif, termasuk ahli pemastautin dan bukan pemastautin, yang tidak termasuk syarikat komersial, korporat, perniagaan tunggal, perkongsian, organisasi / pertubuhan kebajikan tanpa untung, persatuan, sekolah dan syarikat ("**Pelanggan yang Layak**").
5. RHB berhak untuk menerima atau menolak mana-mana penyertaan dalam Program menurut budi bicaranya. Mereka yang berikut tidak layak menyertai Program:
  - a. Semua kakitangan tetap dan/atau kontrak RHB, termasuk anak syarikat dan syarikat berkaitan serta ahli keluarga terdekat mereka;
  - b. Pelanggan RHB yang akaun pelaburan dan/atau depositnya ditamatkan semasa Tempoh Program;
  - c. Apa-apa akaun pelaburan / deposit, yang dipegang dengan RHB yang dianggap tertunggak atau dikendalikan secara tidak memuaskan menurut budi bicara RHB; dan
  - d. Mana-mana orang lain yang ditentukan oleh RHB untuk tidak dilibatkan menurut budi bicaranya tanpa memberikan apa-apa notis dan tanpa memberikan apa-apa sebab kerananya.

### PENYERTAAN

6. Untuk menyertai Program ini, Pelanggan yang Layak mesti merujuk rakan / keluarganya ("**Pelanggan Berpotensi**") dengan melengkapkan dan mengemukakan Borang Elektronik Rujukan Ahli-Dapatkan-Ahli ("**e-Borang Rujukan**") sebelum nama Pelanggan Berpotensi didaftarkan dalam sistem sebagai pelanggan RHB Premier semasa Tempoh Program.
7. Dengan melengkapkan dan mengemukakan e-Borang Rujukan, Pelanggan yang Layak mewakili, mengaku dan mengesahkan kepada RHB berikut:-
  - a. Pelanggan yang Layak untuk menghantar e-Borang Rujukan melalui [www.rhbgroup.com/mgm](http://www.rhbgroup.com/mgm) untuk memasukkan maklumat Pelanggan Berpotensi.
  - b. Pelanggan yang Layak telah memperoleh persetujuan yang dinyatakan dari Pelanggan Berpotensi untuk mendedahkan namanya dan butiran hubungannya kepada RHB;
  - c. Pelanggan yang Layak telah mengesahkan bahawa Pelanggan Berpotensi tidak mempunyai sebarang bantahan kepada RHB untuk menghubungi mereka untuk tujuan Program;
  - d. Pelanggan Yang Layak telah memaklumkan Pelanggan Berpotensi untuk membaca notis privasi di [www.rhbgroup.com](http://www.rhbgroup.com) laman web RHB; dan
  - e. Pelanggan yang Layak bersetuju dan membenarkan untuk namanya didedahkan kepada Pelanggan Berpotensi untuk tujuan Program.


## TERMA DAN SYARAT "Program Ahli-Dapatkan-Ahli RHB Premier"

8. Sekiranya nama Pelanggan Berpotensi:-
- f. Diperkenalkan oleh lebih daripada satu (1) Pelanggan yang Layak atau ada satu duplikasi dalam penyerahan maklumat Pelanggan Berpotensi dalam Program, Pelanggan yang Layak yang pertama yang menyampaikan maklumat Pelanggan Berpotensi akan mendapatkan Ganjaran yang ditentukan mengikut tarikh dan masa, berdasarkan tiba dahulu layan dahulu; dan
  - g. Diperkenalkan dalam program / kempen RHB lain yang mempunyai mekanik atau sifat yang serupa, ganjaran akan ditentukan mengikut tarikh dan masa penyerahan di antara program / kempen.
9. Setiap Pelanggan yang Layak adalah terhad kepada satu (1) Ganjaran semasa Tempoh Program. Pelanggan yang Layak yang menyertai program RHB lain yang mempunyai mekanik atau sifat yang serupa tidak layak untuk kedua-dua program.

### SYARAT GANJARAN DAN PEMENUHAN SYARAT

10. Bagi Pelanggan yang Layak untuk mendapatkan Ganjaran Tunai ("**Ganjaran**"), Pelanggan Berpotensi:
- a. Mestilah berumur sekurang-kurangnya 18 tahun;
  - b. Mesti baru kepada RHB Premier (bukan pelanggan RHB Premier yang sedia ada) dalam setiap Tempoh Rujukan Berjaya;
  - c. Mestilah menjadi pemegang akaun utama dalam akaun pelaburan dan/atau deposit Konvensional dan/atau Islamik;
  - d. Mestilah mempunyai *Asset Under Management* ("**AUM**") yang minimum sebanyak RM200,000 dalam akaun pelaburan dan/atau deposit. Konvensional dan/atau Islam; dengan jumlah minimum sebanyak RM10,000 mesti diletakkan dalam akaun Semasa Konvensional dan/atau Islamik dan/atau akaun Simpanan RHB; dan
  - e. Mesti mengekalkan SEMUA kriteria dalam Klausula 10 sekurang-kurangnya satu (1) bulan dari tarikh menyertai RHB Premier. RHB akan melaksanakan pengesahan atas arahan rujukan dan / atau Ganjaran yang berjaya pada setiap akhir bulan berikutnya (untuk merujuk Senario 1 di bawah).

Senario 1



Nota: "Akhir bulan" - RHB akan melaksanakan pengesahan atas rujukan yang berjaya dan / atau Ganjaran yang berjaya pada setiap akhir bulan berikutnya.

11. RHB berhak menolak mana-mana permohonan pembukaan akaun jika Pelanggan Berpotensi tidak memenuhi syarat pembukaan akaun.
12. Rujukan yang berjaya adalah Pelanggan Berpotensi yang memenuhi semua kriteria dalam Klausula 10 di bawah Program tersebut. Sekiranya Pelanggan Berpotensi membuka akaun Simpanan / Semasa RHB gabungan yang mana kedua-dua pemegang akaun ini adalah pelanggan baharu dengan RHB Premier. Pelanggan yang Layak akan hanya mendapat satu (1) Ganjaran bagi rujukan yang berjaya di bawah Program ini, tertakluk kepada Pelanggan Berpotensi telah memenuhi semua kriteria di bawah Klausula 10 dalam Program ini.

**TERMA DAN SYARAT**  
**“Program Ahli-Dapatkan-Ahli RHB Premier”**

13. RHB Premier mengikut budi bicaranya akan membuat susulan terus dengan Pelanggan Berpotensi yang butirannya diberikan oleh Pelanggan yang Layak di dalam e-Borang Rujukan.
14. Apabila berjaya memenuhi kriteria menurut semua Klausula di atas, Pelanggan yang Layak berhak menerima Ganjaran seperti dalam Jadual 2:

Jadual 2

Bilangan Rujukan yang Berjaya semasa Tempoh Program	Ganjaran Tunai bagi setiap Rujukan yang Berjaya (RM)
Rujukan pertama dan/atau kedua yang Berjaya	388.00
Rujukan ketiga dan seterusnya yang Berjaya	588.00

15. Ganjaran akan dikreditkan ke dalam Akaun Semasa / Simpanan RHB aktif Pelanggan yang Layak yang dinyatakan di e-Borang Rujukan oleh Pelanggan yang Layak dalam tempoh tiga puluh (30) hari bekerja selepas Pelanggan Berpotensi memenuhi tempoh pemegangan AUM.
16. RHB akan, menurut budi bicaranya, memilih mana-mana satu akaun aktif Simpanan / Semasa RHB di bawah nama individu Pelanggan yang Layak untuk mengkreditkan Ganjaran sekiranya Akaun Semasa / Simpanan RHB yang dinyatakan pada Borang Rujukan oleh Pelanggan yang Layak tidak sah, salah atau tidak aktif. Jika Akaun Semasa / Simpanan RHB yang dinyatakan dalam Borang Rujukan oleh Pelanggan yang Layak tidak sah, salah atau tidak aktif dan tidak ada lagi Akaun Semasa / Simpanan RHB aktif lain di bawah nama individu Pelanggan yang Layak, kelayakan Ganjaran akan dilucuthakkan.
17. Ganjaran dalam Ringgit Malaysia akan dinyatakan dalam penyata akaun Simpanan / Semasa Pelanggan yang Layak.
18. Masa dengan ini, Pelanggan yang Layak bersetuju:
- a. Untuk memperkenalkan hanya Pelanggan Berpotensi untuk RHB Premier;
  - b. Untuk menggunakan kemahiran dan ketelitian yang sesuai terhadap orang yang berhemat apabila merujuk Pelanggan Berpotensi untuk RHB Premier;
  - c. Untuk mendapatkan keizinan Pelanggan Berpotensi bagi mendedahkan data peribadinya seperti nama dan nombor yang boleh dihubungi kepada RHB untuk dihubungi oleh RHB;
  - d. RHB akan menghubungi Pelanggan Berpotensi berkaitan apa-apa maklumat di dalam Borang Rujukan dan / atau Program menerusi apa-apa cara komunikasi; dan
  - e. RHB akan menyebut nama Pelanggan yang Layak sekiranya Pelanggan Berpotensi bertanya tentang sumber rujukan.
19. Selanjutnya, Pelanggan yang Layak tidak diberikan kebenaran, dan Pelanggan yang Layak tidak boleh:
- a. Pada bila-bila masa melakukan apa-apa proses jualan untuk diri sendiri bagi pihak RHB;
  - b. Memasuki apa-apa komitmen atau kontrak bagi pihak RHB;
  - c. Membuat apa-apa representasi atau tawaran, atau member apa-apa jaminan, bagi pihak RHB kepada Pelanggan Berpotensi;
  - d. Menanggung apa-apa liabiliti bagi pihak RHB;
  - e. Menandatangani apa-apa dokumen bagi pihak RHB;
  - f. Menerima apa-apa wang bagi pihak RHB;
  - g. Merujuk mana-mana dokumen atau iklan RHB tanpa kebenaran bertulis yang khusus daripada RHB;
  - h. Dengan nyatanya menawarkan produk pada kadar atau menurut terma yang lain selain daripada yang dinasihatkan atau diterbitkan dari semasa ke semasa oleh RHB, melainkan dengan kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada RHB;

## TERMA DAN SYARAT "Program Ahli-Dapatkan-Ahli RHB Premier"

- i. Dengan nyatanya atau melalui implikasi melakukan atau menyatakan sesuatu yang mengelirukan mana-mana orang untuk merumuskan bahawa Pelanggan yang Layak bertindak dalam apa-apa kapasiti lain selain daripada suatu entiti bebas; dan
  - j. Memberikan apa-apa bentuk nasihat kepada Pelanggan Berpotensi tentang ciri mana-mana produk RHB yang boleh mempengaruhi keputusan Pelanggan Berpotensi secara langsung atau tidak langsung.
20. Bagi memastikan kerahsiaan permohonan pembukaan sebarang akaun bagi Pelanggan Berpotensi, RHB tidak boleh mendedahkan status permohonan kepada sesiapa juga selain Pelanggan Berpotensi sendiri. Berikutan itu, RHB juga tidak akan mendedahkan status permohonan tersebut kepada Pelanggan yang Layak.
21. RHB boleh menggunakan mana-mana cara komunikasi yang berikut untuk memberitahu Pelanggan yang Layak berkaitan Program ini:
- a. Pemberitahuan secara individu melalui notis bertulis atau dengan cara elektronik yang dihantar ke alamat terkini Pelanggan yang Layak atau ke alamat e-mel yang disimpan dalam rekod RHB;
  - b. Iklan akhbar;
  - c. Pemberitahuan di dalam penyata rencam Pelanggan yang Layak;
  - d. Paparan di premis perniagaan RHB; dan
  - e. Pemberitahuan di laman sesawang korporat RHB.
22. Ganjaran ini tidak boleh dipindahkan dan tidak boleh ditukarkan dalam apa-apa bentuk sekalipun. RHB tidak akan melayan apa-apa permintaan daripada mana-mana Pelanggan yang Layak atau mana-mana orang lain yang bersedia jua pun untuk memberikan atau mengubah Ganjaran kepada mana-mana pihak ketiga.
23. RHB berhak menggantikan Ganjaran dengan apa-apa barangan yang sama nilainya pada bila-bila masa dengan memberikan notis secukupnya terlebih dahulu.
24. Semua maklumat yang diberikan oleh Pelanggan yang Layak berkaitan dengan atau untuk tujuan Program ini mestilah benar, tepat, terkini dan lengkap. Pelanggan yang Layak, yang gagal mematuhi keperluan ini akan dibatalkan penyertaannya serta-merta daripada Program ini dan tidak berhak mendapat Ganjaran.

## TERMA DAN SYARAT UMUM

25. Dengan menyertai Program ini, Pelanggan yang Layak:-
- a. Bersetuju terikat dengan terma dan syarat Program ini;
  - b. Bersetuju bahawa RHB tidak akan dipertanggungjawabkan dalam apa-apa keadaan bagi Ganjaran yang hilang, cacat, koyak, rosak, tamat tempoh atau dicuri. Apa-apa permintaan untuk menggantikan Ganjaran yang hilang, cacat, koyak, rosak, tamat tempoh atau dicuri tidak akan dilayan oleh RHB;
  - c. Bersetuju bahawa Ganjaran tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga, dan tidak boleh ditukarkan dengan wang tunai, kredit, cek atau yang seumpamanya, sebahagiannya atau sepenuhnya;
  - d. Bersetuju bahawa keputusan RHB atas semua perkara berkaitan dengan Program ini serta Ganjarannya adalah muktamad, mutakhir dan mengikat terhadap mereka;
  - e. Bersetuju untuk bertanggungjawab sendiri ke atas semua cukai, fi kerajaan, atau apa-apa caj lain yang boleh dilevikan terhadap mereka di bawah undang-undang terpakai, jika ada, berkaitan dengan penerimaan Ganjaran;
  - f. Bersetuju untuk tidak meneruskan apa-apa penyertaan selanjutnya dalam Program ini dengan memberitahu RHB sekiranya apa-apa ubahsuaian selanjutnya ke atas Terma dan Syarat ini tidak boleh diterima;
  - g. Bersetuju bahawa dengan memberikan maklumat peribadi, Peserta yang Layak memberikan keizinan kepada RHB untuk memproses maklumat peribadi mereka bagi apa-apa dan/atau untuk semua tujuan yang berikut ("Tujuan"), jika berkaitan:-

## TERMA DAN SYARAT “Program Ahli-Dapatkan-Ahli RHB Premier”

- i) Menguruskan Program ini dan menghubungi Pelanggan Berpotensi berkaitan dengan perkara yang sama;
  - ii) Jualan silang, pemasaran dan promosi produk dan/atau perkhidmatan RHB dan rakan strategiknya; atau
  - iii) Tujuan perniagaan lain yang berkaitan dan sah.
- h. Bersetuju bahawa maklumat peribadi Peserta yang Layak boleh didedahkan kepada syarikat lain dalam RHB (yang akan termasuk syarikat pemegang, anak syarikat, dan mana-mana syarikat berkaitan, termasuk mana-mana syarikat yang terhasil daripada apa-apa penstrukturan semula, penggabungan, jualan atau perolehan), penyedia perkhidmatan, dan vendor dan, mana-mana ejen mereka masing-masing, pembantu dan/atau orang sedemikian, sama ada berada di dalam atau di luar Malaysia untuk Tujuan tersebut, jika berkaitan, dengan sentiasa tertakluk pada apa-apa undang-undang (termasuk peraturan, piawaian, garis panduan dan/atau obligasi) yang terpakai kepada RHB; dan
- i. Bersetuju bahawa adalah perlu bagi RHB untuk memproses maklumat peribadi Pelanggan yang Layak untuk Tujuan tersebut, yang tanpanya Pelanggan yang Layak tidak akan dapat menyertai Program ini. Pelanggan yang Layak boleh melaksanakan pilihan mereka berkaitan dengan penerimaan bahan pemasaran (termasuk jualan silang, pemasaran dan promosi sebagaimana yang dikehendaki di atas) dengan menghubungi kami melalui RHB Premier Careline yang berdedikasi di 03-9206 1188 atau melawat mana-mana Pusat Premier di seluruh negara.
26. RHB berhak untuk:-
- a. Membatalkan mana-mana dan semua penyertaan daripada mana-mana Pelanggan yang Layak dalam Program ini dan melarang orang tersebut daripada menyertai Program ini selanjutnya sekiranya disyaki bahawa Pelanggan yang Layak tersebut membega atau mendapat keuntungan daripada pembegaan peraturan Program ini atau Terma dan Syarat yang dinyatakan dalam dokumen ini;
  - b. Membatalkan, menamatkan atau menggantung Program dengan memberikan notis yang mencukupi terlebih dahulu. Apa-apa pembatalan, penamatan atau penggantungan Program oleh RHB tidak akan melayakkan Peserta untuk membuat apa-apa tuntutan atau menuntut pampasan terhadap RHB bagi apa-apa kerugian atau kerosakan yang ditanggung oleh Peserta sebagai kesan langsung dan tidak langsung pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut;
  - c. Mengubah Ganjaran menurut budi bicara RHB kepada Ganjaran lain yang sama nilainya sebagaimana menurut Terma dan Syarat Program ini; dan
  - d. Menambah, memotong, menggantung atau mengubah, Terma dan Syarat yang terkandung di dalam dokumen ini, sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya menurut budi bicara Bank dengan cara memuat naik ke laman sesawang RHB dan/atau cara komunikasi lain yang boleh dianggap sesuai oleh RHB dengan memberikan notis yang mencukupi terlebih dahulu.
27. RHB tidak akan dipertanggungjawabkan terhadap apa-apa kemungkiran berkaitan dengan Program disebabkan apa-apa ketentuan Tuhan, peperangan, rusuhan, tunjuk perasaan, sekat masuk, tindakan industri, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, kegagalan teknikal atau sistem, atau apa-apa kejadian yang di luar kawalan munasabah RHB.
28. Sekiranya terdapat apa-apa perselisihan antara Terma dan Syarat ini dengan mana-mana risalah, bahan pemasaran atau promosi lain berkaitan dengan Program ini, Terma dan Syarat ini hendaklah mendahului.